

# Nelayan pantai resah sungai cetek

**TANJONG KARANG** - Lebih 40 nelayan pantai di Jeti Parit Tiga, Sungai Burong, di sini mengeluh apabila paras anak sungai semakin hari semakin cetek sehingga menyukarkan mereka untuk keluar ke laut.

Keadaan anak sungai yang kian cetek akibat dipenuhi pasir itu didakwa menjadi lebih teruk selepas pelaksanaan kerja baik pulih pintu kawalan pasang surut berkembar dan kerja berkaitan di jeti terbabit.

Mohd Ismail Roslan, 42, mendakwa, nelayan yang menggunakan jeti di kawasan ini terpaksa menunggu air pasang untuk turut ke laut berikutan air terlalu cetek dan berpasir.

Menurutnya, nelayan boleh gagahi menolak sampan atau bot kecil mereka jika air cetek dan berlumpur namun keadaan pasir menyebabkan mereka terkandas untuk tempoh lama.

"Jika sebelum projek ini dilaksanakan, keadaan sungai agak dalam dan memudahkan nelayan turun ke laut tidak kira waktu namun kini nasib kami agak terjejas dan terpaksa menunggu air pasang sahaja.

"Nelayan di sini bukannya menolak pembangunan dan projek yang dibawa kerajaan namun ia perlu memikirkan kesannya terhadap keperluan kami untuk jangka masa panjang," katanya ketika ditemui Sinar Harian.



Saiful Bahrin (kiri) bersama rakannya menunjukkan alur sungai cetek menyebabkan sampan nelayan tidak boleh bergerak ke laut.

Bagaimanapun Mohd Ismail bersyukur kerana kontraktor yang dilantik sudah mula memasang pembedung yang lebih besar seperti yang disarankan nelayan sebelum ini untuk mengalirkan air dari kawasan kampung ke laut.

"Jika sebelum ini, pembedung sedia ada ditutup berikutan memberi laluan kepada projek baik pulih terbabit menyebabkan air sungai semakin cetek.

"Saya berharap projek yang sepatutnya siap pada Disember lalu segera diselesaikan kerana ia memberi kesan kepada nelayan di kawasan ini," katanya.

Seorang lagi nelayan, Saiful Bahrin Ab

Khair, 41, berkata, akibat sungai cetek dan berpasir menyebabkan dia dan beberapa nelayan lain terpaksa menanggung kerugian kipas enjin yang rosak.

"Kipas enjin yang melalui kawasan anak sungai di sini sering rosak atau 'haus' sehingga menyebabkan nelayan terpaksa menanggung kos untuk tukar baru yang bernilai ratusan ringgit.

"Disebabkan air cetek, saya terpaksa bermalam di atas sampan ketika pulang dari laut gara-gara menunggu air pasang dan ketika itu, hanya Allah sahaja yang tahu kesusahan nelayan yang mahu pulang ke jeti," katanya.

# Nafi projek punca sungai cetek

**KUALA SELANGOR** - Jurutera Projek Pengurusan Projek Kawasan Pembangunan Bersepadu (IADA) Barat Laut Selangor, Ir Shaari Abdullah menafikan pelaksanaan projek kerja baik pulih pintu kawalan pasang surut berkembar dan kerja berkaitan di jeti tu menjadi punca laluan alur sungai yang didakwa semakin cetek.

"Keadaan anak sungai yang cetek mungkin disebabkan kurangnya air dari kawasan kampung untuk menolak pasir ke laut memandangkan cuaca panas dan jarang hujan namun ketika air pasang, nelayan tidak mempunyai masalah untuk turun ke laut.

"Untuk makluman, projek IADA Barat Laut Selangor itu bakal memberi manfaat kepada penduduk setempat selepas membuka aluran sungai lebih besar bagi mengalirkan air dari kawasan kampung ke laut bagi mengelakkan berlakunya banjir besar.

"Kini kerja baik pulih terbabit sudah berada di fasa ter-



**“ Anak sungai yang cetek mungkin disebabkan kurangnya air dari kawasan kampung.”**

**Ir Shaari**

akhir iaitu kerja kemas kini tebing dengan penurunan batu supaya keadaan tebing lebih kukuh dan sempurna," katanya.

Ir Shaari berharap segala kemusykilan dan permasalahan berkaitan projek terbabit boleh dirujuk kepada pegawai yang bertanggungjawab supaya penjelasan dapat dibuat.